



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN/ ONLINE**

NAMA KURSUS	PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJA
KOD KURSUS	DSM3183
PEPERIKSAAN	JUN 2022
MASA	3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **SATU (1)** bahagian: (100 MARKAH)
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
3. Jawab SEMUA soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
4. Tulis butiran anda sepertimana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
 - i. Nama Penuh Pelajar
 - ii. No. Kad Pengenalan
 - iii. Seksyen Kelas
 - iv. Kod Kursus
 - v. Nama Kursus
 - vi. Nama Pensyarah
5. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
6. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG **4** HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan.

Jawab **semua** soalan dalam Kertas Jawapan

SOALAN 1

Puan Salmah bercadang untuk membuka kilang pemprosesan makanan sejuk beku di Banting, Selangor. Sebelum membuka kilang tersebut, Puan Salmah meminta nasihat daripada Encik Rahim tentang keselamatan dan kesihatan yang perlu dipatuhi oleh pihaknya dalam memastikan keselamatan keseluruhan pekerjanya terjamin. Andaikan diri anda ialah Encik Rahim, jelaskan berkaitan perkara Seksyen 15 dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 kepada Puan Salmah.

(8 markah)

SOALAN 2

- a. Hazard boleh diklasifikasikan sebagai sesuatu yang mampu mengakibatkan kemudaran daripada kecederaan serius sehingga membawa kematian kepada setiap pekerja dalam sesuatu organisasi. Huraikan jenis hazard yang sering terjadi kepada pekerja dalam organisasi.

(10 markah)

- b. Huraikan kesan-kesan yang berlaku disebabkan oleh hazard berdasarkan Rajah 1 di bawah.

(10 markah)



Rajah 1

SOALAN 3

- a. Huraikan **lima (5)** peralatan perlindungan diri yang perlu dipakai oleh Pegawai Keselamatan dan Kesihatan semasa berada dalam kawasan pembinaan.

(10 markah)

- b. Amalina merupakan seorang pelatih di Hospital Melaka. Penyelia beliau memberi arahan kepada Amalina untuk memberikan penerangan mengenai Program Amalan 5S kepada pekerja berjawatan jururawat. Bantu Amalina untuk mendapatkan isi penting bagi menerangkan tentang penggunaan berkaitan Amalan 5S.

(10 markah)

SOALAN 4

- a. Encik Ramli bekerja sebagai penjual air tebu selama 30 tahun. Kebelakangan ini, Encik Ramli berasa sakit di bahagian pergelangan tangannya. Oleh sebab rasa sakit yang semakin serius, Encik Ramli memberitahu anak buahnya yang merupakan seorang Doktor Perubatan. Andaikan anda sebagai anak buah Encik Ramli, berikan penjelasan mengenai penyakit yang dihadapi oleh Encik Ramli.

(8 markah)

- b. Muthusamy berhasrat untuk mengaplikasikan kedudukan tempat kerja yang selamat dan sihat kepada pekerjanya. Anda sebagai Pegawai Sumber Manusia, huraikan garis panduan yang perlu diguna pakai oleh Muthusamy dalam mengaplikasikan kedudukan tempat kerja yang selamat dan sihat.

(10 markah)

Kebakaran berlaku di Syarikat Telaga Emas yang mengakibatkan separuh dari syarikat tersebut di sambar api dan tidak dapat diselamatkan.

Penyataan 1

- c. Berdasarkan pernyataan 1 di atas, pilih kelas kecemasan yang sesuai dan rancang Pelan Tindakan Kecemasan yang sesuai dengan insiden tersebut.

(12 markah)

SOALAN 5

- a. Shahbudi ingin menubuhkan Jabatan Keselamatan di syarikat beliau kerana ingin memastikan pekerja dapat bekerja dalam keadaan yang selamat dan sekiranya berlaku apa-apa kemalangan atau kecemasan, Jabatan Keselamatan akan melakukan tugas mereka. Anda sebagai penasihat Shahbudi, terangkan kepada beliau apakah peranan ahli pertolongan cemas dalam Jabatan Keselamatan.

(10 markah)

- b. Kemalangan umum yang memerlukan rawatan pertolongan cemas ialah luka dan pendarahan, terbakar dan melecur, renjatan, patah tulang dan Resusitasi Kardio Pulmonari (CPR). Sebagai seorang Pegawai Sumber Manusia, anda diminta untuk menjelaskan:

- i. Perbezaan antara luka dengan pendarahan
- ii. **Lima (5)** jenis luka yang boleh berlaku di tempat kerja.

(12 markah)

[100 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT